

Perlu laksana cukai segera

Kuala Lumpur: Pelaksanaan cukai terhadap vape dan rokok elektronik mampu mengekang orang ramai daripada terus menggunakan bahan terbabit, malah hasil kutipan itu boleh digunakan untuk melakukan pelbagai kempen kesedaran

dan aktiviti berfaedah.

Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Dr Zulkarnain Yusoff berkata, pelaksanaan cukai terhadap vape dan rokok elektronik yang lain perlu dilakukan segera me-

mandang semakin ramai terutama pelajar sekolah terjebak terhadap trend itu.

Walaupun pelaksanaan cukai tidak dapat mengekang secara terus tabiat itu, ia mampu mengawal menerusi harga vape yang lebih mahal sama seperti di-

laksanakan terhadap rokok atau bahan tembakau lain.

“Pelaksanaannya perlu dilakukan secara menyeluruh kerana trend terkini ini sudah merebak di semua peringkat umur,” katanya.

Sementara itu, Dekan Fakulti Pengurusan Perniaga-

an Universiti Sains dan Teknologi Malaysia Prof Dr Yeah Kim Ling berkata, hasil kutipan cukai boleh dimanfaatkan untuk aktiviti berfaedah, malah lebih banyak kempen berhenti merokok atau vape dapat dilaksanakan kepa-

da umum.

“Cukai antara inisiatif yang mampu mengekang penggunaan vape kepada remaja kerana apabila harganya lebih mahal kemungkinan mereka tidak mampu untuk menggunakannya,” katanya.

